

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (67)

10 Februari 2026

22 Syaaban 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2026

PEMAKLUMAN PENGEKALAN STATUS SWAAKREDITASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti melalui Mesyuarat Senat Bil. 2/2025/2026 pada 21 November 2025 telah dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), memutuskan bahawa Status Swaakreditasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang dianugerahkan pada 29 Mac 2013 adalah dikekalkan, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Pengekalan status Swaakreditasi UTM adalah tertakluk kepada keperluan penilaian MQA seperti berikut:

- a) Penilaian pematuhan syarat khusus dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat MQA, nombor rujukan MQA.600-2/11/10 Jld. 3 (24) bertarikh 14 November 2025;
- b) Penilaian Laporan Dwitahunan Swaakreditasi pada tahun 2027;
- c) Penilaian pematuhan Status Swaakreditasi pada tahun 2029; dan
- d) Penilaian tambahan lain yang ditetapkan oleh MQA dari semasa ke semasa.


3. Semua warga UTM diminta untuk mengambil maklum dan melaksanakan penambahbaikan berdasarkan syarat serta penemuan audit MQA. Kerjasama dan komitmen berterusan semua pihak diperlukan bagi memastikan pematuhan standard MQA serta pelaksanaan jaminan kualiti dalaman yang berkesan demi pengekalan Status Swaakreditasi UTM.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendafatar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah